

23 SEP 1997

KITA AKAN KAWAL RINGGIT MESKIPUN TURUN NAIK, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 23 Sept. (Bernama) -- Malaysia akan bertindak sedaya mungkin untuk mengawal ringgit meskipun matawang itu diserang oleh spekulator asing, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Kata beliau walaupun import negara ini memerlukan kos lebih tinggi, "kita akan mengimbangnya dengan eksport yang bertambah" yang telah menjadi berdaya saing ekor kejatuhan nilai ringgit berbanding matawang-matawang utama.

Ditanya bagaimanakah perasaan beliau tentang ringgit yang telah susut nilai 20 peratus berbanding dolar Amerika, Dr Mahathir berkata beliau "berpuas hati" ringgit rendah sekarang kerana ini akan meningkatkan eksport.

Dr Mahathir berkata demikian ketika menjawab soalan-soalan oleh pemberita selepas menyaksikan upacara penandatanganan perjanjian antara Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton), Automobiles Citroen dari France dan Usahasama Proton-DRB Sdn Bhd untuk membuat, memasang dan mengedar kereta Proton baru berasaskan model kereta Citroen yang ada sekarang.

Semasa Perdana Menteri membuat ulasan ini, ringgit berjaya menebus sedikit kerugiannya dan ditutup pada 3.0680/30 hari ini berbanding dolar Amerika daripada 3.0950/10 ketika ditutup semalam.

Matawang Malaysia itu juga pulih sedikit berbanding matawang-matawang utama yang lain. Ia meningkat kepada 2.0171/17 daripada 2.0271/17 berbanding dolar Singapura dan mengukuh kepada 2.5168/30 daripada 2.5199/50 berbanding yen Jepun.

Berbanding paun sterling ia meningkat kepada 4.9332/43 daripada 4.9659/55 dan naik kepada 1.7113/45 daripada 1.7316/48 berbanding deutschemark.

Terdahulu hari ini, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz menyeru pengeksport dan pekilang tempatan supaya memperluaskan pasaran eksport yang sedia ada serta mencari pasaran baru kerana barangan tempatan sekarang adalah lebih murah.

Bagaimanapun, beliau memberi amaran kepada pekilang-pekilang yang mengeksport keluaran mereka supaya tidak mewujudkan pasaran penjual dengan menaikkan harga, tetapi menasihatkan mereka supaya memperluaskan saiz pasaran, bukan kerana disebabkan oleh krisis matawang sekarang, tetapi sebagai satu strategi jangka panjang.

Katanya pekilang-pekilang juga haruslah cuba mengurangkan kos pada semua peringkat agar ia dapat mengimbangi peningkatan kos yang mereka alami kerana membayar lebih bagi barangan import. -- BERNAMA

AA KY MA